

Harga minyak mentah jatuh satu peratus semalam berikutan jumlah pelantar minyak Amerika Syarikat (AS) yang tinggi mencemaskan pasaran.

Kontrak minyak mentah antarabangsa Brent didagangkan pada paras AS\$53.95 satu tong pada 0751 GMT, jatuh 51 cents atau hampir satu peratus daripada paras penutup terakhirnya.

Kontrak hadapan minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) berada pada paras AS\$51.18 satu tong, jatuh 50 cents atau satu peratus.

Peniaga berkata, kejatuhan harga dicetuskan oleh peningkatan pengeluaran selepas persetujuan antara Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC, Russia untuk mengurangkan output pada 2017.

"Tahap eksport mungkin kekal tinggi ... jika negara melangkah kepada gas pada Disember dan mengisi penyimpanan mereka," Bank Barclays semalam.

Russia pada Jumaat lalu melaporkan purata pengeluaran minyak hariannya sebanyak 11.21 juta tong sehari bagi November, paras tertinggi dalam tempoh hampir 30 tahun.

Sementara Moscow bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 300,000 tong sehari pada awal 2017, ia berkata, ia akan berbuat demikian berbanding paras November.

Ia bermakna bahawa walaupun selepas pengurangan, output akan kekal lebih tinggi daripada paras puncak lebih minyak pada separuh pertama 2016.

Di Asia Barat, yang mana pengurangan pengeluaran OPEC dijangka, terdapat juga tanda bahawa pengeluaran akan meningkat sebelum pengurangan.

Arab Saudi dan Kuwait dijangka bersetuju bulan ini untuk memulakan pengeluaran minyak di Zon Neutral antara kedua-dua negara, dengan potensi output harian 300,000 tong daripada lapan-gan minyak dikendalikan bersama yang ditutup antara 2014 dan 2015 berikutan kesukaran alam sekitar dan teknikal.

Menambahkan lagi potensi peningkatan pengeluaran, firma tenaga AS melanjutkan penggalan bagi pengeluaran minyak baharu untuk tujuh bulan minggu lalu, demikian mengikut perangkaan firma perkhidmatan tenaga, Baker Hughes yang dikeluarkan Jumaat lalu.